

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(N04 SEKINCHAN)**

**TAJUK : PROJEK PEMBANGUNAN RUMAH SELANGORKU**

101. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila huraikan apakah perkembangan dan pencapaian terkini projek tersebut.
- b) Sila nyatakan kenapa masih terdapat projek Rumah Selangorku yang terpaksa dibatalkan walaupun kelulusan sudah diberikan.
- c) Sila nyatakan apakah tindakan dan hukuman yang bakal dikenakan kepada pemaju yang ingkar membina Rumah Selangorku.

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri secara keseluruhannya telah meluluskan sebanyak **100,577** unit Rumah Selangorku (RSKU) sehingga kini. Sehingga Februari 2018, sebanyak **3,626** unit RSKU telah siap dibina dan telah diserahkan kunci. Manakala sebanyak **20,627** Unit RSKU sedang dibina. Perinciannya adalah seperti berikut :-

TAHUN KELULUSAN	BIL PROJEK	DALAM PEMBINAAN	DALAM PERANCANGAN	SIAP DIBINA
2014	38 (15,318)	10 (6,700)	17 (6,024)	11 (2,594)
2015	75 (41,194)	15 (10,941)	55 (29,239)	5 (1,014)
2016	32 (18,214)	4 (2,986)	27 (15,216)	1 (12)
2017	44 (25,164)	-	43 (25,158)	1 (6)

2018	6 (687)	-	6 (687)	-
<b>JUMLAH</b>	<b>195</b> (100,577)	<b>29</b> (20,627)	<b>148</b> (76,324)	<b>18</b> (3,626)

b) Pemaju yang diberikan kelulusan untuk membina Rumah Selangorku adalah dikehendaki memulakan pembinaan Rumah Selangorku dalam tempoh masa 2 tahun daripada tarikh kelulusan MMKN diperolehi. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) telah menubuhkan satu jawatankuasa khas yang dikenali sebagai Jawatankuasa Teknikal Pemantauan Pembangunan Rumah Selangorku untuk memantau pelaksanaan projek-projek Rumah Selangorku dan menjadi pemudah cara bagi pihak pemaju memperoleh kelulusan Kebenaran Merancang (KM) dan Pelan Bangunan (BP) daripada Pihak Berkuasa Tempatan. Walaubagaimanapun terdapat beberapa pemaju yang didapati masih gagal mematuhi syarat tersebut diatas beberapa faktor seperti:-

- i. Pemaju gagal mengemukakan sebarang status pelaksanaan projek kepada Kerajaan Negeri selepas diberikan kelulusan, setelah notis dan arahan kelewatan pembinaan Rumah Selangorku, pihak pemaju masih gagal memberikan kerjasama untuk membincangkan halatuju projek Rumah Selangorku.
- ii. Pemaju didapati tidak lagi berupaya dan tidak berminat dalam membangunkan projek Rumah Selangorku setelah memperoleh kelulusan MMKN daripada Kerajaan Negeri dan pihak pemaju juga telah mengemukakan laporan audit berkenaan.
- iii. Pemaju telah menjual tanah yang diluluskan untuk pembinaan Rumah Selangorku kepada pihak lain atau anak syarikat selepas memperoleh kelulusan MMKN. Justeru itu, secara langsung akan menyebabkan kerja – kerja pembinaan Rumah Selangorku lewat dan tertangguh.

Pemaju yang dikenal pasti masih gagal mengemukakan permohonan Kebenaran Merancang (KM) dalam tempoh masa dua belas (12) bulan dari tarikh kelulusan MMKN akan disenaraikan sebagai “Projek dalam pemerhatian khas”. Pemaju akan dipohon untuk mengemukakan justifikasi berkenaan kegagalan mengemukakan permohonan KM tersebut secara terperinci kepada pihak LPHS.

- c) Bagi pemaju yang ingkar untuk membina Rumah Selangorku, Kerajaan Negeri tidak akan teragak agak untuk mengambil tindakan tegas seperti berikut :-
- i. Kerajaan Negeri akan **menarik balik kelulusan MMKN** yang telah diperolehi oleh pihak pemaju.
  - ii. Mengesyorkan kepada Pejabat Tanah Dan Galian Selangor untuk tindakan **memasukkan kaveat pendaftar** ke atas tanah pembangunan Rumah Selangorku bagi pemaju berkenaan. Kaveat pendaftar tersebut hanya akan di tarik balik setelah pembangunan Rumah Kos Rendah / Rumah Mampu Milik / Rumah Selangorku di tanah berkenaan dibangunkan.
  - iii. **Menyenarai hitam** ahli Lembaga Pengarah syarikat pemaju yang telah dikenal pasti daripada menjalankan sebarang pemajuan pembangunan perumahan dan hartanah di Negeri Selangor serta akan di panjangkan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi tindakan penguatkuasaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI  
(N45 SELAT KLANG)**

**TAJUK : KEADAAN EKONOMI SEMAKIN TERUK (KAD KISS)**

102. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Bilakah KAD KISS akan diserahkan kepada pejabat ADUN Selat Klang?

**JAWAPAN:**

Jawapan ini akan dijawab bersekali dengan soalan no. 142 dari Ahli Yang Berhormat Taman Medan, soalan no. 178 dari Ahli Yang Berhormat Ijok, soalan no. 145 dari Ahli Yang Berhormat Hulu Kelang, soalan no. 173 dari Ahli Yang Berhormat Tanjung Sepat, soalan no.113 dari Ahli Yang Berhormat Kuala Kubu Bharu dan soalan no. 134 dari Ahli Yang Berhormat Seri Serdang.

Sebagaimana yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Program Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) ini telah berjaya menarik minat semua pihak di Malaysia yang mana program ini merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Selangor dalam mengiktiraf dan menghargai pengorbanan kaum ibu yang menguruskan, mendidik dan membesarkan anak dalam sesebuah keluarga.

Berdasarkan ucapan pembentangan belanjawan yang diumumkan oleh YAB Dato' Menteri Besar pada November 2017 yang lalu, Program KISS ini bakal memberi manfaat kepada 30,000 orang rakyat Selangor. Bermula saat itu, setiap hari Pejabat DUN dan Pejabat Penyelaras DUN telah didatangi oleh rakyat setempat yang ingin membuat permohonan untuk mendapatkan manfaat program ini. Jelas sekali menunjukkan bahawa bantuan sebegini amat diperlukan oleh rakyat Selangor dalam berhadapan dengan kos sara hidup yang semakin meningkat dan yang paling penting adalah untuk menjalani kehidupan yang sihat serta melahirkan institusi keluarga yang bahagia dan sejahtera. Namun begitu, keutamaan tetap diberikan kepada kaum ibu yang menepati kriteria dan syarat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Program KISS ini telah pun dilancarkan pada 22 Januari 2018 oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor di Kampung Permatang, Kuala Selangor. Program ini telah mendapat sambutan

yang luar biasa daripada rakyat di Selangor kerana nilai manfaat program ini amat besar dan bermakna kepada kaum ibu dalam memenuhi keperluan asas keluarga.

### **Nilai RM200 dan Barangan**

Dengan nilai bantuan sebanyak RM200 sebulan daripada Kerajaan Negeri, kaum ibu di Selangor kini boleh membeli barangan keperluan asas keluarga secara tanpa tunai (cashless) seperti beras, mi dan bihun, roti, biskut, telur, gula dan garam, rempah ratus, sos, kicap, tepung, minyak masak, sayur-sayuran, buah-buahan, daging (ayam, lembu, kambing), ikan, lampin pakai buang, barangan persekolahan, produk tenusu (susu segar, susu tepung, susu sejat, susu pekat manis) dan sabun, kelengkapan mandian serta bahan pencuci.

### **Proses Pendaftaran Ahli KISS**

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, untuk membuat permohonan pendaftaran ahli Program KISS ini, pemohon perlu memuat turun borang permohonan di laman web rasmi KISS iaitu di [www.kiss.com.my](http://www.kiss.com.my) serta melengkapkan borang kerkenaan dengan melampirkan dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam borang permohonan berkenaan.

Borang yang telah lengkap ini tadi perlulah dihantar ke Pejabat DUN atau Pejabat Penyelaras DUN atau Pejabat Exco Kebajikan untuk disemak dan disaring mengikut kelayakan seperti kriteria yang telah ditetapkan sebelum dikemukakan kepada Selcare Management Sdn Bhd iaitu pengendali program ini untuk proses cetakan kad KISS.

Namun begitu Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum kad KISS dicetak, perlu dipastikan tiada nama pemohon yang bertindih, dokumen sokongan telah disertakan dan pengesahan borang telah dilakukan. Oleh yang demikian, proses ini akan mengambil sedikit masa yang menyumbang kepada kelewatan pengeluaran kad KISS.

Setelah itu, cetakan kad KISS akan dibuat dan seterusnya dihantar ke Pejabat DUN atau Pejabat Penyelaras DUN atau Pejabat Exco Kebajikan untuk diserahkan kepada penama kad KISS yang berkenaan.

### **Pengaktifan Kad KISS**

Bagi pemohon yang telah menerima kad KISS, kad KISS berkenaan perlu diaktifkan sebelum penggunaan dan pembelian dibuat di kedai-kedai panel berdaftar bagi Program KISS ini.

Cara-cara pengaktifan kad boleh di rujuk pada lampiran yang disertakan di dalam surat kad KISS yang diterima.

### **Kuota Penerima Kad KISS**

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, tiada kuota khusus yang ditentukan di setiap DUN. Bilangan penerima Program KISS ini sebagaimana yang diumumkan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor di dalam Belanjawan 2018 adalah sebanyak 30,000 orang rakyat Selangor.

Pemberian kad KISS ini kepada penerima manfaat yang berkelayakan telah turut mengambilkira kepadatan penduduk, keluasan dan kemampuan sesebuah kawasan berdasarkan bilangan dan taraf ekonomi penduduk yang terdiri daripada golongan berkemampuan dan kurang atau tidak berkemampuan serta kedudukan mereka sama ada di bandar atau luar bandar.

### **Serahan Kad KISS**

Sehingga 21 Mac 2018, sebanyak 20,081 kad KISS telah diserahkan kepada pemohon yang layak melalui Pejabat DUN dan Pejabat Penyelaras DUN di seluruh Selangor. Ini menunjukkan bahawa sasaran Kerajaan Negeri untuk mendapatkan 30,000 orang penerima telah hampir dicapai hasil kerjasama padu, komitmen dan dedikasi para kakitangan Pejabat DUN dan Pejabat Penyelaras DUN di seluruh Selangor.

Dikesempatan ini, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua ahli-ahli Yang Berhormat serta para kakitangan Pejabat DUN dan Pejabat Penyelaras DUN yang sentiasa bersedia dan siap siaga dalam menerima kedatangan rakyat untuk mendapatkan maklumat, menerima borang permohonan dan menyaring permohonan yang diterima untuk dikemukakan kepada pihak Selcare Management Sdn Bhd bagi memastikan rakyat di DUN berkenaan tidak terlepas dalam mendapatkan manfaat yang disediakan oleh Kerajaan Negeri ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengambil maklum bahawa terdapat Pejabat DUN dan Pejabat Penyelaras DUN masih belum menerima kad KISS kerana proses sebagaimana yang saya maklumkan sebentar tadi dan semakan yang lebih teliti di samping permohonan yang diterima adalah diluar jangkaan.

### **Panel Kedai Berdaftar Program KISS**

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga 21 Mac 2018 sebanyak 235 buah kedai di seluruh Selangor telah berdaftar dengan program KISS ini yang terdiri daripada Kedai Serbaneka 99 Speedmart, kedai-kedai runcit tempatan, kedai Pusat Pakaian Hari-hari dan Pasaraya Giant.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kerajaan Negeri Selangor amat berterima kasih kepada pihak yang sangat prihatin di atas isu-isu Program KISS ini yang mana ianya menunjukkan bahawa program ini sangat istimewa terutamanya kepada kaum ibu sekaligus dapat mengangkat martabat ibu dan wanita yang merupakan faktor penting dalam pembangunan masyarakat dan negeri. Memandangkan program ini mendapat sambutan yang luar biasa, maka Kerajaan Negeri sedang dalam penelitian untuk memperluaskan lagi manfaat ini kepada rakyat di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL  
(N41 BATU TIGA)**

**TAJUK : KEPIMPINAN BELIA**

103. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha pembangunan kapasiti (capacity Building) dikalangan Belia di Selangor dari 2013 sehingga kini?
- b) Berapa ramaikah pemimpin yang dilahirkan dari program diatas khususnya kursus kepimpinan??
- c) Berapa bajet dan saluran yang telah diperuntukan?

**JAWAPAN:**

(Soalan a,b dan c dijawab bersekali)

Kerajaan Negeri menitikberatkan aspek pembangunan di kalangan belia sebagai pemaju pembangunan negara pada masa akan datang. Sehubungan itu, bermula pada tahun 2009, Kerajaan Negeri telah melantik seramai 288 orang Penggerak Belia Tempatan (PeBT) yang terdiri daripada golongan belia sebagai agen penggerak belia Negeri Selangor. Bagi tujuan ini, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM1,396,800.00 setahun bagi peruntukan elaun dan sebanyak RM1,440,000.00 untuk peruntukan program Penggerak Belia Tempatan (PeBT) dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Berikutan pelaksanaan program-program tersebut akan dapat memberi ruang dan peluang kepada mereka untuk mendekati masyarakat serta mendengar keluahan dan kehendak masyarakat sejajar dengan tugas dan tanggungjawab seorang pemimpin.

Dalam usaha ke arah pembangunan kapasiti di kalangan PeBT, Kerajaan Negeri telah melaksanakan kursus kepimpinan untuk melahirkan pemimpin generasi muda yang cemerlang supaya dapat menguruskan organisasi dengan lebih berkemampuan dan berkualiti serta mempunyai sifat keprihatinan dan peka kepada isu masyarakat dan sosial serta dapat membentuk di dalam kalangan generasi muda yang mempunyai persiapan untuk berkhidmat dan membantu masyarakat. Seramai 500 orang peserta termasuk PeBT yang terlibat di dalam Kursus tersebut dengan peruntukan sebanyak RM78,140.00.



Selain itu, Kerajaan Negeri juga turut mengadakan Program Bengkel Pemberdayaan NGO Belia Negeri Selangor 2017 dengan peruntukan sebanyak RM77,450.00. Melalui program ini, seramai 50 orang NGO telah diberi pendedahan sebagai penyandang jawatan utama dalam Persatuan NGO Belia untuk menguruskan persatuan atau kelab dengan lebih efisien dan berkesan dari segi matlamat, organisasi dan pengurusan yang efektif.

Seterusnya pada tahun 2015, Kerajaan Negeri juga telah melaksanakan Program ADUN Muda Selangor yang melibatkan seramai 50 orang belia daripada IPTA dan IPTS dengan peruntukan sebanyak RM50,000.00. Program ini bertujuan untuk membentuk peribadi dan jati diri anak muda dengan memberi pendedahan kepada isu-isu semasa yang memberi kesan kepada masyarakat dan negara. Selain itu, program ini dapat menggalakkan pemikiran kritis di kalangan anak muda tentang polisi-polisi kerajaan serta menyemai kesedaran dalam diri anak muda bahawa proses menggubal undang-undang dan membuat keputusan turut melibatkan masyarakat.

Di samping itu, Kerajaan Negeri juga amat prihatin dan menyedari akan kepentingan pendidikan kepada golongan belia khususnya di Selangor. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk menarik lebih ramai anak muda menyertai Program Diploma Belia Dalam Kerja Pembangunan (Eksekutif) yang telah bermula pada 7 Mac 2014 di mana program ini adalah terbuka kepada semua kaum di kalangan belia yang terdiri daripada Pengerusi Penggerak Belia Tempatan (PeBT) , PeBT Zon dan NGO-NGO terpilih. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama daripada Institut Pengajian Sains Sosial, Universiti Putra Malaysia (IPSAS,UPM) yang mempunyai kepakaran dalam bidang pembangunan belia. Melalui program ini, Kerajaan Negeri telah memberi tajaan sebanyak RM9,400.00 kepada 23 orang pelajar dengan jumlah tajaan sebanyak RM216,200.00 yang telah berjaya menamatkan pengajian dan menghadiri majlis graduasi yang telah diadakan pada 6 November 2018 oleh pihak UPM.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(N05 HULU BERNAM)**

**TAJUK : PELUANG PEKERJAAN**

104. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah peluang pekerjaan yang ditawarkan pada 2018.
- b) Nyatakan peratusan peluang pekerjaan yang ditawarkan pada 2017 yang telah diisi.

**JAWAPAN:**

- a) Berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Negeri Selangor, statistik peluang pekerjaan yang tersedia di Selangor menurut portal JobsMalaysia bermula pada 1 Januari 2018 hingga 18 Mac 2018 adalah sebanyak **77,459 peluang pekerjaan.**
- b) Berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Negeri Selangor, statistik peluang pekerjaan yang tersedia di Selangor menurut portal JobsMalaysia pada tahun 2017 adalah sebanyak **396,763 peluang pekerjaan.** Namun begitu, tiada data spesifik berkenaan peratusan peluang pekerjaan yang telah diisi pada tahun 2017.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : JALAN PINTAS SUNGAI PELEK - KLIA/KLIA2**

105. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Telah dilaporkan dalam media bahawa jalan pintas antara Sungai Pelek dan KLIA/KLIA2 telah dibuka untuk laluan trafik. Adakah jalan yang dimaksudkan di atas diluluskan dan dibina oleh JKR?
- b) Sekiranya, beri maklumat terperinci terhadap projek ini termasuk kos dan kontraktor.

**JAWAPAN:**

- a) Jalan yang dirujuk, yang dilaporkan melalui media melalui Berita Harian pada 13 Februari 2018 bukan dilaksanakan oleh pihak JKR.
- b) Jalan sedia ada tersebut telah dibaiki oleh Ahli Pembangunan Persekutuan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Pelek, Datuk Ng Chok Sin dengan kelulusan oleh pihak Malaysian Airport Holding Berhad (MAHB). Pembaikan jalan dengan kaedah hamparan batu (*crusher run*) tersebut dianggarkan sepanjang 3KM dengan kos RM100,000.00 hasil daripada sumbangan penduduk dan melalui tanah ladang milik MAHB.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN  
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : ISU ANJING LIAR DI KAWASAN BUKIT RAHMAN PUTRA DAN  
KAWASAN BANDAR BARU SG. BULOH**

106. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan segera MBSA untuk menyelesaikan masalah anjing liar yang semakin berleluasa?
- b) Berapa kekerapan rondaan dalam sebulan MBSA untuk menangkap anjing liar di dalam kawasan MBSA?

**JAWAPAN:**

- a) Dalam mengatasi masalah anjing berkeliaran yang semakin berleluasa, pihak Majlis mengambil beberapa pendekatan seperti berikut:

**Tindakan Jangka Masa Pendek**

- Menjalankan aktiviti kawalan dengan menjalankan penangkapan anjing berkeliaran secara terus berdasarkan aduan yang diterima. Aktiviti ini dilaksanakan secara 'inhouse' dan dibantu oleh pihak kontraktor yang dilantik.
- Operasi penguatkuasaan pelesenan anjing peliharaan – Kebanyakan pemilik anjing tidak memiliki lesen memelihara anjing dari pihak Majlis.
- Syarat pengembirian anjing peliharaan sebagai satu syarat tambahan dan wajib bagi semua anjing jenis *mongrel/ mixbreed*.

**Tindakan Jangka Masa Panjang**

- Mengadakan kempen penyerahan anjing peliharaan yang tidak diperlukan kepada pihak Majlis.
- Mengadakan program pengambilan haiwan angkat.
- Bekerjasama dengan penduduk dalam menjalankan program 'Trap, Neuter & Release' di kawasan tertentu.
- Mempergiatkan pendidikan berkaitan pemeliharaan anjing serta kesan penambahan populasi anjing berkeliaran.

- b) Dalam menjalankan aktiviti penangkapan anjing berkeliaran di dalam kawasan MBSA, operasi dilaksanakan pada setiap hari bagi pasukan 'inhouse' dan kontraktor dalam menangani aduan yang diterima. Purata aduan yang dapat diambil tindakan adalah sebanyak 92 aduan dalam tempoh satu (1) bulan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(N33 TAMAN MEDAN)**

**TAJUK : SUKAN SEPAK TAKRAW**

107. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pandangan peminat sukan sepak takraw jika permainan ini dimainkan di dalam dewan serta perancangan Kerajaan Negeri Selangor untuk sukan ini?
- b) Berapa banyak peruntukan infrastruktur sukan dibelanjakan untuk sepak takraw?

**JAWAPAN:**

- a) Soalan telah ditolak semasa mesyuarat mengkaji pada 8/3/2018.
- b) Kebanyakan permainan ini dimainkan di dalam dewan. Sehubungan dengan itu, hampir semua daerah mempunyai infrastruktur untuk menyediakan dewan bagi sukan ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : LEBUHRAYA DAMANSARA-SHAH ALAM (DASH)**

108. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah pegangan saham Kerajaan Negeri dalam DASH.
- b) Nyatakan jumlah pampasan yang telah dibayar bagi membina lebuh raya tersebut.

**JAWAPAN:**

- a) Hasil semakan dengan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) mendapati tiada pegangan saham Kerajaan Negeri di dalam Lebuhraya DASH.
- b) LLM memaklumkan bahawa jumlah pampasan yang telah dibayar bagi pengambilan tanah untuk pembinaan Lebuhraya DASH adalah berjumlah RM937,140,653.13 di mana pampasan berjumlah RM880,000,000.00 telah ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan manakala RM57,140,653.13 telah ditanggung oleh syarikat konsesi Lebuhraya DASH iaitu Projek Lintasan Damansara-Shah Alam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : RUMAH TERBIAR**

109. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan statistik rumah terbiar MBPJ terkini.
- b) Senaraikan, jika ada, rumah terbiar yang telah dirobuhkan oleh MBPJ kerana struktur tidak selamat.
- c) Apakah perbelanjaan setiap tahun bagi mengatasi aduan rumah terbiar?

**JAWAPAN:**

- a) Seperti *dilampiran B*

JUMLAH PECAHAN KESELURUHAN      LAMPIRAN B					
BILANGAN PECAHAN MENGIKUT KAWASAN DUN					
BIL	DUN	BILANGAN / JENIS PREMIS			JUMLAH
		RUMAH	TANAH KOSONG	KILANG	
1	BUKIT GASING	118	50		168
2	TAMAN MEDAN	27	21		48
3	SERI SETIA	3	13		16
4	DAMANSARA UTAMA	8			8
5	KOTA DAMANSARA	6	307		313
6	KG TUNKU	15	30		45
7	BUKIT LANJAN	1	43	1	45
	<b>JUMLAH</b>	178	464	1	643

- b) Tiada
- c) Perbelanjaan bagi mengatasi aduan rumah terbiar adalah sebanyak *RM100, 000.00*



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL  
(N29 SERI SERDANG)**

**TAJUK : PERUNTUKAN JAIS UNTUK MEMBAIKPULIH MASJID AS SALAM  
PUCHONG PERDANA**

110. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah peruntukan JAIS untuk membaikpulih Masjid As Salam Puchong Perdana yang telah terlalu uzur?

**JAWAPAN:**

- a) Peruntukan baikpulih masjid disediakan secara pukal. Sebarang kerja-kerja baikpulih akan ditentukan atau diluluskan kepada masjid yang mengalami kerosakan serius di mana boleh menyebabkan operasi masjid itu terjejas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM  
(N49 SERI ANDALAS)**

**TAJUK : PENJUALAN TANAH DI PULAU INDAH, SELANGOR**

111. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Siapakah pembeli tanah milik 1MDB di Pulau Indah?
- b) Berapakah harga jualan yang ditawarkan oleh 1MDB kepada pembeli?

**JAWAPAN:**

(a & b)

Hasil semakan Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan Pejabat Tanah Daerah (PTD) Klang mendapati bahawa tiada rekod pemilikan tanah oleh 1MDB di Pulau Indah, Klang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF  
(N55 DENGKIL)**

**TAJUK : KEMPEN TANPA PLASTIK**

112. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan tempoh pelaksanaan kempen tersebut.
- b) Nyatakan jumlah keseluruhan kutipan 20sen sejak ia diperkenalkan.
- c) Nyatakan kegunaan wang tersebut secara terperinci.

**JAWAPAN:**

Tuan Speaker,

Pertanyaan ini dijawab bersekali dengan soalan 170 (b) daripada YB Tuan Loh Chee Heng (N52 Telok Datok) berkaitan Kutipan Caj 20 Sen Beg Plastik di Selangor

- a) Kerajaan Negeri telah melaksanakan kempen tanpa plastik bermula pada 1 Januari 2010 dimana kempen tersebut dilaksanakan pada setiap hari Sabtu di pasaraya-pasaraya besar. Manakala, pada tahun 2013 pelaksanaan kempen ini diperluaskan di bazar-bazar Ramadhan dengan kerjasama semua PBT. Larangan penggunaan beg plastik di majlis-majlis rasmi anjuran Kerajaan Negeri Selangor pula mula dilaksanakan pada tahun 2015. Pada tahun 2016, MMKN 21/2016 telah meluluskan Cadangan Pengurangan Penggunaan Beg Plastik dan Polistirena dan Kempen Bebas Plastik untuk dilaksanakan setiap hari bermula 1 Januari 2017.

Sehubungan itu, bermula 1 Januari 2017, semua jenis perniagaan di Negeri Selangor tidak lagi dibenarkan untuk menyediakan beg plastik secara percuma dan diarahkan untuk menghentikan penggunaan bekas makanan dan peralatan polistirena di semua premis termasuk premis makanan dan pasar malam.

- b) Laporan kutipan yang diterima oleh Kerajaan Negeri sejak kempen ini dilaksanakan bermula 1 Januari 2017 sehingga bulan Februari 2018 adalah sebanyak **RM7,199,407.66** (Ringgit Malaysia: Tujuh Juta Satu Ratus Sembilan Puluh Sembilan Ribu Empat Ratus Tujuh Ringgit dan Enam Puluh Enam Sen). Pecahan kutipan adalah seperti berikut:

BIL.	TAHUN	JUMLAH KUTIPAN (RM)
1.	Januari – Disember 2017	6,217,663.40
2.	Januari – Februari 2018	981,744.26
JUMLAH		7,199,407.66

- c) Kerajaan Negeri menggalakkan peniaga untuk menggunakan kutipan caj 20 sen tersebut bagi melaksanakan program *Corporate Social Responsibility* (CSR) yang berkaitan dengan pemuliharaan alam sekitar. Selain itu, para peniaga di Selangor turut melaksanakan program berbentuk kemasyarakatan dan kebajikan seperti:
- i) Pembersihan dan mencantikkan Sungai Klang dan program pembersihan pantai;
  - ii) Pengedaran *recycle bag* secara percuma di pasaraya;
  - iii) Kempen kebajikan dan pemberian sumbangan di rumah anak yatim, orang tua dan pertubuhan kebajikan;
  - iv) Menjalankan sumbangan majlis berbuka puasa bersama anak yatim dan miskin;
  - v) Pemberian sumbangan sempena Hari Raya kepada golongan asnaf dan pemberian bubur lambuk secara percuma; dan
  - vi) Sumbangan kepada keluarga miskin sempena perayaan Tahun Baru Cina.

Setakat ini Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk membatalkan Kempen Bebas Plastik dan Polistirena walaupun ada pihak yang membantah pelaksanaan kempen ini. Ini adalah kerana kempen ini merupakan satu inisiatif yang baik terhadap pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar dan sekaligus memberikan kesan jangka panjang terhadap kebersihan dan kesihatan penduduk di Negeri ini. Malahan terdapat kesedaran di kalangan masyarakat tentang pentingnya pemeliharaan alam sekitar di mana rakyat kini lebih selesa membawa sendiri *recycle bag* untuk membeli belah.

Selain itu, sejak diperkenalkan pada bulan Januari 2010, kempen ini juga mendapat sambutan yang amat baik dari pertubuhan bukan kerajaan dan pengguna. Apa yang perlu ditekankan adalah sokongan dan kerjasama dari kalangan pemimpin-pemimpin negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan rakyat negeri Selangor untuk sama-sama ke arah menjayakan kempen ini demi kesejahteraan generasi yang akan datang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK : PROGRAM KASIH IBU SMART SELANGOR (KISS)**

113. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah kad KISS yang telah dikeluarkan mengikut DUN.
- b) Nyatakan jumlah kedai dan pasaraya yang berdaftar untuk program KISS.
- c) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk program KISS memandangkan sambutan yang sangat baik daripada kaum ibu?

**JAWAPAN:**

Soalan ini telah dijawab bersekali dengan soalan no. 102 dari Ahli Yang Berhormat Selat Klang bertajuk Keadaan Ekonomi Semakin Teruk: KAD KISS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(N20 LEMBAH JAYA)**

**TAJUK : PELUPUSAN SAMPAH**

114. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jangkaan keuntungan yang akan diperolehi oleh Kerajaan Negeri. Kini dilaksanakan oleh KDEB jika dibandingkan dengan pengurusan sendiri oleh PBT sebelum ini.

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri melalui MMKN Ke-7/2016 pada 24 Februari 2016 yang disahkan oleh MMKN Ke-8/2016 pada 2 Mac 2016 telah menimbang dan meluluskan cadangan bagi mewujudkan *Project Management Company (PMC)* milik Kerajaan Negeri, iaitu KDEBWM sebagai pengurus untuk pelaksanaan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam secara bersepadu di Majlis Perbandaran Klang (MPK) sebagai projek perintis. Setelah kejayaan pelaksanaan perkhidmatan ini dapat dilihat di MPK, MMKN Bil. 42/2016 pada 21 Disember 2016 yang disahkan oleh MMKN 1/2017 pada 11 Januari 2017 telah bersetuju untuk meluluskan perluasan perkhidmatan PMC di Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan Majlis Perbandaran Selayang (MPS). Dalam melaksanakan langkah ini, dari segi kewangan, tiada keuntungan yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri berikutan kos yang terlibat tidak lebih daripada peruntukan tahunan semasa yang telah diperuntukkan oleh setiap PBT. Namun begitu, keuntungan diperolehi dari sudut perkhidmatan apabila perkhidmatan yang diberikan adalah lebih baik daripada apa yang dilaksanakan sebelum ini melalui pemodenan infrastruktur kutipan dengan penggunaan aplikasi dan teknologi dalam menangani masalah pengurusan sisa pepejal. Manfaat turut diperolehi dari segi keseragaman serta kualiti perkhidmatan yang diberikan, yang mana pelaksanaannya adalah sama di setiap PBT tidak mengira samada di kawasan PBT yang berkategori bandaraya/perbandaran atau di kawasan PBT yang berkategori daerah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL  
(N41 BATU TIGA)**

**TAJUK : PROGRAM PENJAGAAN ALAM SEKITAR**

115. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan usaha yang telah di laksanakan sepanjang 2015, melalui Dasar penjagaan Alam Sekitar Selangor, selain penggunaan plastik?
- b) Apakah program-program advokasi yang telah di lakukan dengan menyatakan agensi yang dilibatkan; mengikut PBT?
- c) Sejauhmana kitaran minyak masak semula berjaya dilaksanakan? kenapa.

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri Selangor sentiasa berusaha bagi memastikan perancangan dan penetapan polisi atau dasar kerajaan dilaksanakan dengan mengambil kira isu penjagaan alam sekitar. Hal ini dapat dilihat melalui penetapan dasar dan polisi seperti berikut:-
  - i. **Dasar Moratorium 25 Tahun Pembalakan** ke atas keseluruhan hutan simpanan kekal di Negeri Selangor semenjak tahun 2010;
  - ii. Menerimapakai dan melaksanakan **Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau** dalam pembangunan baru selaras dengan Pekeliling Setiausaha Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bilangan 1 Tahun 2014;
  - iii. Mewartakan **Kawasan Zon Perlindungan Kelip-Kelip** di kawasan Mukim Pasangan, Sungai Selangor di bawah Seksyen 48, Enakmen Lembaga Urus Air Selangor pada tahun 2009 bagi memastikan pemuliharaan Kelip-Kelip sentiasa diteruskan
  - iv. **Polisi Pengurusan dan Pemuliharaan Pokok Negeri Selangor** pada tahun 2016; dan
  - v. **Pelan Tindakan Teknologi Hijau Negeri Selangor 2016-2018.**
- b) Kerajaan Negeri Selangor melalui melalui Pejabat Daerah / Tanah, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri Selangor telah



mengadakan pelbagai aktiviti atau program semenjak tahun 2015. Antaranya adalah seperti berikut:-

- i- Seminar atau Bengkel Pemahaman & Kesedaran Alam Sekitar;
- ii- Program Tanam Pokok;
- iii- Kem Kesedaran Alam Sekitar;
- iv- Program Pemanasan Global (bagi mencegah pembakaran terbuka);
- v- Kempen Kesedaran Hidupan Liar;
- vi- Program Pembersihan Pantai dan Sungai;
- vii- Program Amalan Hijau yang boleh dilaksanakan di dalam kehidupan seharian seperti amalan jimat tenaga, kitar semula, penggunaan laluan basikal dan laluan pejalan kaki, kompos, dan kebun komuniti.

Senarai program kesedaran dan advokasi alam sekitar yang telah dilaksanakan dari tahun 2015 hingga 2017 mengikut agensi adalah seperti di **LAMPIRAN A**. Kesemua program yang disenaraikan melibatkan pelbagai jabatan dan agensi kerajaan, pihak pemaju dan badan bukan kerajaan (NGO).

- c) Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Pengguna telah menetapkan sasaran kutipan minyak masak terpakai sebanyak 150,000.00 kilogram bagi tahun 2017. Namun demikian, kutipan pada tahun 2017 telah melebihi sasaran sebanyak 97% iaitu sebanyak **295,595.11** kilogram telah berjaya dikutip.

Selain itu juga, kejayaan program ini dapat diukur melalui ;

- I. Jumlah pengumpulan yang diterima semakin meningkat selepas kempen dilaksanakan ;
- II. Permintaan tinggi daripada orang ramai untuk melakukan kutipan di kawasan mereka ;
- III. Penetapan sasaran kutipan secara tahunan melebihi sasaran yang ditetapkan.

Butiran kutipan minyak masak dan aktiviti yang telah dilaksanakan mengikut PBT adalah seperti di jadual di bawah:

BIL	PBT	JUMLAH KUTIPAN (KG)	AKTIVITI
1.	MBSA	87,453.10	1. Kutipan dijalankan secara meluas di restoran-restoran, kantin sekolah, perwakilan penduduk serta melalui program-program anjuran penduduk.

BIL	PBT	JUMLAH KUTIPAN (KG)	AKTIVITI
			<p>2. Zon Bebas Sampah dijalankan di kawasan komersil Seksyen 7 yang telah menetapkan setiap restoran di kawasan tersebut mengitar semula minyak masak terpakai. Program Zon Bebas Sampah telah dijalankan bermula November 2017 dan mendapat sokongan padu pemilik restoran.</p> <p>3. Merancang untuk bekerjasama dengan Jabatan Pelesenan Unit Penjaja Bazar Ramadhan untuk program kitar semula minyak masak terpakai bagi semua penjaja Bazar Ramadhan.</p>
2.	MBPJ	57,382.13	<p>1. Melaksanakan program pembelian minyak masak terpakai dengan harga RM 0.80 sekilogram.</p> <p>2. Menyediakan perkhidmatan kutipan minyak masak terpakai secara <i>door-to-door</i>.</p> <p>3. Bekerjasama dengan badan bukan kerajaan, Global Environment Centre (GEC) untuk membekalkan 10 unit Perangkap Lemak, Minyak &amp; Gris (Fat, Oil &amp; Grease – FOG) kepada gerai di Medan Selera Malam SS2.</p> <p>4. Membekalkan tong bersaiz 50 Liter secara percuma kepada perumahan bertingkat dan institusi seperti sekolah untuk menjalankan aktiviti pengumpulan minyak masak terpakai.</p>
3.	MPK	28,180.94	<p>1. Kejayaan program adalah di atas usaha MPK memasukkan dalam syarat lesen, pemantauan berkala melalui Pelan Strategik Program Alam Sekitar MPK, edaran pemantauan berkala melalui Pelan</p>

BIL	PBT	JUMLAH KUTIPAN (KG)	AKTIVITI
			Strategik Program Alam Sekitar MPK, edaran bahan promosi dan kerjasama syarikat kitar semula dalam program pengumpulan kitar semula minyak terpakai.
4.	MPAJ	47,551.45	1. Program kitar semula minyak masak terpakai adalah di peringkat pendidikan dan kesedaran tentang alam sekitar. Program ini telah berjaya dilaksanakan melibatkan peniaga premis makanan, Bazar Ramadhan, komuniti, persatuan penduduk, sekolah, surau dan masjid serta badan kerajaan dan swasta.
5.	MPS	3,802.00	1. Pelaksanaan program di premis makanan dan kawasan komuniti seperti Surau dan Pejabat JKKK. Bazar Ramadhan Mampan dan Hijau merupakan satu platform bagi memberi kesedaran kepada penjaja
6.	MPKJ	37,441.50	Tiada maklumat
7.	MPSP	22,607.99	1. Program kitar semula minyak masak telah berjaya dilaksanakan di mana ianya melibatkan penglibatan penduduk, peniaga-peniaga dan pengusaha kantin sekolah. 2. Taklimat dan pameran bagi tujuan promosi kempen.
8.	MPSJ	576.00	Tiada maklumat

BIL	PBT	JUMLAH KUTIPAN (KG)	AKTIVITI
9.	MDKL	5,798.00	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. MDKL melaksanakan program mengumpul minyak masak bersama pelbagai pihak seperti kafe dan kantin di sekolah-sekolah dan IPT melalui Kempen 3R.</li> <li>2. Pengumpulan minyak masak turut di jalankan di Bazar Ramadhan.</li> </ol>
10.	MDKS	4,802.00	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Di Majlis Daerah Kuala Selangor, kejayaan ini dapat diukur melalui: <ol style="list-style-type: none"> <li>a. jumlah pengumpulan yang diterima semakin meningkat selepas kempen dilaksanakan;</li> <li>b. permintaan tinggi daripada orang ramai untuk melakukan kutipan di kawasan mereka; dan</li> <li>c. Penetapan sasaran kutipan secara tahunan melebihi sasaran yang ditetapkan.</li> </ol> </li> </ol>
11.	MDHS	Tidak melaksanakan kutipan	
12.	MDSB		

**TAHUN 2015**

<b>BIL</b>	<b>PROGRAM</b>	<b>AGENSI PELAKSANA</b>
1	Pj Environmental Expo 2015	MBPJ
2	Program Kesedaran Penjagaan Persisir Pantai & Sungai Bersama Jheo & Jkm – Orang Asli Pulau Indah	MPK
3	Program Tanam Pokok Bersama NGO/Swasta	MPAJ
4	Program Sayangi Dan Pelihara Hutan (Paya Indah Wetland)	MDKL
5	Program Pemeliharaan Alam Semulajadi (Tanaman Kayu Bakau)	PDT Petaling
6	Program Bumi Hijau “Kempen Satu Rumah Satu Pokok	PDT Gombak
7	Program Menanam Pokok Bakau	PDT Sepang
8	Jom Menghijau Kawasan Sekitar	PDT Hulu Selangor
9	Kempen Cintailah Sungai Bernam	PDT Sabak Bernam
10	Program Tanam 1,000 Pokok di Daerah Hulu Langat	PDT Hulu Langat
11	Program Penanaman Semula Spesis Pokok Bakau	LUAS
12	Program penanaman pokok bersama Duta-duta EU	JPNS

13	Program Tanam Pokok di Hutan Raja Muda Musa	JPNS
14	<i>"Climate Change And Water Dialogue 2015"</i>	CETDEM
15	Menghadiri Persidangan Perubahan Iklim Cop 21	Persatuan Belia Perubahan Iklim
16	Program Perlindungan Alam Sekitar Sempena Hari Bumi Sedunia	Persatuan Benih Hijau

**TAHUN 2016**

<b>BIL</b>	<b>PROGRAM</b>	<b>AGENSI PELAKSANA</b>
1	Program Jalan Kaki Sempena Hari Bumi Daerah Petaling 2016	PDT Petaling
2	Kampungku Permai Menghijau	PDT Klang
3	Program Amalan Hijau dan Tanaman Pokok buah-buahan	PDT Hulu Langat
4	Program Pemuliharaan Pokok Bakau di Sungai Sepang Besar	PDT Sepang
5	Program Kunang-Kunang RDC Sungai Sepang Kecil	PDT Sepang
6	Projek Lanskap dan Penghijauan Tapak Sampah Haram	PDT Kuala Langat
7	Program Tanam Pokok di Taman Alam Dan Sekitar Pekan kuala Selangor	PDT Kuala Selangor
8	Hutan Paya Bakau Jeram	
9	Hutan Simpan Raja Musa Bestari Jaya	
10	Amalan Hijau, Mesra Alam dan Masyarakat Harmoni	PDT Hulu Selangor
11	Program Sempena Sambutan Hari Bumi	MPAJ
12	Program Hari tanpa kenderaan	MPS
13	Program “Rumah dan Lanskap”	MDKL
14	Program Penanaman Pokok-Pokok Nadir	MDHS

15	Menanam pokok Berembang dan pemulihan pokok sediada dengan pembajaan menggunakan EM Mudball	MDSB
16	Sambutan Hari Hutan Antarabangsa dan Kempen Penanaman Pokok	JPNS
17	Program Penanaman Pokok Bakau dan Pembersihan Pantai	LUAS
18	Program Cintailah Bumi	Persatuan Benih Hijau



**TAHUN 2017**

<b>BIL</b>	<b>PROGRAM</b>	<b>AGENSI PELAKSANA</b>
1	Program Pokok "Petaling" 2017	PDT Petaling
2	Penanaman Pokok Api-Api Anjuran bersama Luas, Jabatan Hutan Daerah Klang, MPK Dan JKKK Kampung Sungai Serdang	PDT Klang
3	Program Tanam Pokok (Buah/ Bakau)	PDT Gombak
4	Pemuliharaan Hutan Paya Bakau di Sg.Burong	PDT Kuala Selangor
5	Pemuliharaan Hutan Paya Bakau Di Dun Bukit Malawati	
6	Program Penanaman Pokok Nadir Di Hutan Bukit Gasing	MBPJ
7	Kempen 1 Rumah 1 Pokok	
8	Projek Landskap Dan Penghijauan Tapak Sampah Haram Kampung Sungai Udang	MPK
9	Program Hari Klang Bebas Karbon : Car Free Zon	
10	Hari Tanpa Kenderaan	MPS
11	Program <i>Car Free and Cycling</i> Bandar Kajang	MPKj
12	Program Hijau Bumi	MDKS
13	Menjalankan Program Menanam Pokok Bakau Dan Pokok Rhu Pantai Di Kawasan Persisiran Pantai Bagan Nakhoda Omar Dan Sungai Lang Yang Mengalami Masalah Hakisan Tebing	LUAS

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : TENAGA SUMBER MANUSIA KREATIF**

116. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah strategi Kerajaan dalam menyediakan tenaga sumber manusia yang kreatif bagi menghadapi cabaran Revolusi Perindustrian 4.0?

**JAWAPAN:**

- a) Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) telah melaksanakan pelbagai bentuk program bagi menyediakan tenaga sumber manusia yang kreatif dalam menghadapi cabaran Revolusi Perindustrian (RI) 4.0 **melalui penguasaan elemen 4C iaitu *Communication, Critical Thinking & Problem Solving, Collaboration dan Creativity.***

Aspek *communication* (berkomunikasi) dengan efisien secara lisan dan bertulis adalah amat kritikal dalam Revolusi Perindustrian (RI) 4.0. Sehubungan dengan itu bagi meningkatkan kemahiran Bahasa Inggeris ke arah menyediakan tenaga sumber manusia yang mampu berdiri megah di arena globalisasi, Kursus Bahasa Inggeris telah dimasukkan sebagai program utama di dalam Takwim Program Pembangunan Modal Insan BPSM.

Dalam aspek pembangunan infrastruktur digital, dengan meningkatnya mobiliti dan *connectivity*, kemudahan infrastruktur digital di bawah agenda Smart Selangor seperti pembangunan *Silbus Internet Of Things* (IoT) dan *Smart City* yang dipacu teknologi *Big Data* digunakan bagi memperkasakan tenaga sumber manusia Negeri Selangor ke arah Revolusi Perindustrian (RI) 4.0.

Pengukuhan kepimpinan dan budaya kerja berpasukan bagi menyelesaikan masalah kompleks (*critical thinking & problem solving*) merentasi pelbagai disiplin adalah amat penting. Ianya direalisasikan melalui program-program pengukuhan kepimpinan dan budaya kerja berpasukan yang ditawarkan kepada warga jabatan seperti Seminar Kepimpinan – *Leading and Engagement*, Kursus Transformasi Kepimpinan, Kursus Pengukuhan Pasukan, Program Melestarikan Kecemerlangan, Program Pembangunan Kemahiran Guru Negeri Selangor dan

lain-lain. Melalui pendekatan ini, pemimpin dan tenaga sumber manusia dapat membentuk pendekatan yang lebih efektif dan kreatif bagi menyelesaikan apa jua bentuk cabaran dalam Revolusi Perindustrian 4.0.

Revolusi Perindustrian 4.0, banyak memberi penekanan dalam aspek penghasilan yang kreatif (*creativity*) dan pintar. Sehubungan dengan itu, program-program seperti Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor, Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS), Program Cabaran Inovasi, latihan-latihan kemahiran kreativiti dan inovasi kepada tenaga sumber manusia Sektor Awam dan terbuka kepada rakyat Negeri Selangor telah diadakan dan akan diteruskan bagi mengukuhkan pembudayaan inovasi dan kreativiti supaya cabaran RI 4.0 dapat dihadapi dengan jayanya oleh semua. Bagi peranan jangka masa panjang, latihan Teknikal serta Vokasional (TVET) digunakan sebagai agen perubahan bagi menghadapi cabaran baharu di ambang era RI 4.0 dan kemunculan *Digital Economy* yang merupakan sebagai industri masa hadapan.

Pemantapan kepada ekosistem kolaborasi (*collaboration*) dengan memperkukuhkan kolaborasi strategik serta memberi penekanan kepada pemindahan teknologi, kepakaran dan perkongsian maklumat melalui jalinan kerjasama antara Kerajaan, industri, akademik dan komuniti telah pun giat dilaksanakan bagi menghadapi cabaran RI 4.0. Program seperti Kolaborasi UNISEL-Dharma Andalas, Kolaborasi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Kolaborasi Fakulti Sains Komputer, Unisel dengan Human Resource Development Centre (SHRDC) dalam bidang *Big Data Analytics*, *Cloud Computing* dan Sistem Automasi Industri dan program-program *Blue Ocean Strategy* lain di antara agensi Kerajaan Negeri Selangor dalam menyelesaikan masalah dan menyediakan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

Kebijaksanaan kemahiran dan teknologi tidak memadai bagi tenaga sumber manusia untuk menghadapi RI 4.0. Kepintaran emosi untuk mengenalpasti dan mengurus emosi diri dan pihak lain turut merupakan aspek penting dalam menghadapi revolusi ini. Oleh yang demikian, BPSM telah melaksanakan pelbagai program bagi mengasah kepintaran emosi yang berupaya memacu semangat kerja seperti Kursus *Neuro-linguistic programming* (NLP), Program INSAN dan juga program-program psikologi lain seperti Kursus Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB), Kursus Asas Psikologi dan Kaunseling, Kursus Motivasi untuk tenaga sumber manusia Sektor Awam dan rakyat Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SZE HAN  
(N30 KINRARA)**

**TAJUK : LAPANGAN TERBANG**

117. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan hasil kutipan lesen perniagaan dan periklanan tahun 2017 bagi lapangan terbang KLIA, KLIA2 dan Subang.
- b) Nyatakan hasil kutipan cukai tafsiran bagi lapangan terbang KLIA, KLIA2 dan Subang.
- c) Nyatakan hasil kutipan cukai tanah bagi lapangan terbang KLIA, KLIA2 dan Subang.

**JAWAPAN:**

Soalan a), b) dan c) dijawab bersekali,

Hasil bagi kutipan lesen perniagaan, pengiklanan, cukai taksiran dan cukai tanah bagi lapangan terbang KLIA, KLIA2 dan Subang adalah seperti berikut:

<b>Hasil</b>	<b>Kuala Lumpur International Airport (RM)</b>	<b>Kuala Lumpur International Airport 2 (RM)</b>	<b>Sulatan Abdul Aziz Airport Subang (RM)</b>
Lesen Perniagaan	136,687.00	58,857.00	35,540.00
Lesen Iklan	59,797.00	22,581.00	6,506.00
Cukai Taksiran	16,975,608.45	1,984,283.80	2,802,394.80
Cukai Tanah	5,562,646.00	389,197.00	658,901.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI  
(N02 SABAK)**

**TAJUK : PERUNTUKAN ADN SABAK**

118. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kenapa peruntukan ini masih belum diturunkan lagi?
- b) Adakah jaminan dari Kerajaan Negeri untuk membayar semua program yang telah dilaksanakan sejak Januari 2018?

**JAWAPAN:**

- a) Pada tahun 2018 Kerajaan Negeri Selangor telah meluluskan peruntukan perkhidmatan masyarakat berjumlah RM48,400,000.00 kepada 43 Ahli Dewan Negeri Kerajaan dan 13 kawasan DUN yang diselia oleh Pegawai Penyelaras DUN. Peruntukan tersebut telah disalurkan kepada sembilan (9) Pejabat Daerah/Tanah melalui *Electronic Fund Transfer* (EFT) pada 5 Januari 2018.
- b) Peruntukan yang telah disalurkan kepada Ahli Dewan Negeri Kerajaan dan Pegawai Penyelaras Dewan Negeri yang dilantik oleh Kerajaan Negeri adalah untuk menampung perbelanjaan projek-projek kecil bagi meningkatkan infrastruktur asas dan kemudahan awam serta menjalankan aktiviti mesra rakyat di kawasan Dewan Negeri masing-masing dan perbelanjaan tersebut adalah tertakluk mematuhi Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 2017.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(N33 TAMAN MEDAN)**

**TAJUK : TAMBAHBAIK INISIATIF PEDULI RAKYAT**

119. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah Skim Mesra Usia Emas akan memberi manfaat kepada warga emas semasa hayat?
- b) Bagaimana tabung TAWAS dapat ditingkatkan dan boleh dinikmati sebelum usia 18 tahun?

**JAWAPAN:**

- a) Pemberian manfaat semasa hidup sudah pernah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk tempoh 2011 – 2014 dimana sejumlah dana sebanyak RM 10,907,200 sudah diserahkan di bawah program Jom Shopping yang melibatkan 109,072 orang peserta. Pada ketika itu jumlah program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) yang ada hanya sebanyak 12 program sahaja.

Namun pada ketika ini sudah ada 42 program kesemuanya di bawah IPR yang meliputi pelbagai lapisan masyarakat dari anak baru lahir hingga ke peringkat warga emas. Di mana sebahagian dari program ini boleh dinikmati oleh warga emas yang layak seperti khidmat Bas Selangorku, Air Percuma, Jom Shopping perayaan, Kasih Ibu Smart Selangor (KISS), Skim Peduli Sihat, Bantuan Sihat Selangor, Panel Dialisis Sihat Selangor, Saringan Sihat Selangor dan beberapa program lain lagi.

Kerajaan Negeri sentiasa berhasrat untuk memastikan semua pemberian manfaat di bawah IPR mestilah kena kepada kumpulan sasaran yang tepat dan sampai kepada mereka yang betul-betul memerlukan bantuan.

Oleh kerana kita buat masa ini Kerajaan negeri belum ada apa-apa perancangan untuk mewujudkan bayaran manfaat semasa hidup secara khusus kepada warga emas di negeri Selangor di dalam tempoh yang terdekat.

- b) Pada masa ini SKIM TAWAS ini hanya boleh dinikmati oleh anak Selangor yang telah mendaftar di bawah Skim TAWAS apabila mencecah umur 18 tahun. Kerajaan Negeri pada masa ini sememangnya sedang merangka strategi pelaburan yang berterusan bagi memastikan manfaat tersebut dapat disampaikan kepada rakyat pada masa hadapan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG  
(N52 TELOK DATOK)**

**TAJUK : TINDAKAN TEGAS KEGIATAN MAKSIAT JUDI HARAM PELACURAN  
SELANGOR**

120. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan tegas telah diambil oleh Kerajaan demi menumpaskan kegiatan judi haram, maksiat dan pelacuran di setiap Daerah?
- b) Sila menyatakan terperinci jumlah operasi bersepadu telah diambil bersama PBT dan Jabatan-jabatan Kerajaan lain setiap Daerah?
- c) Sila menyatakan jumlah lesen dibatalkan?

**JAWAPAN:**

- a) Antara tindakan tegas yang diambil oleh Kerajaan Negeri melalui PBT untuk membanteras kegiatan judi haram, maksiat dan pelacuran di Negeri Selangor adalah seperti berikut:-
  - 1) Melaksanakan tindakan pantas melalui **pemantauan dan penguatkuasaan bersepadu dan serta merta bersama-sama agensi-agensi penguatkuasaan yang berkaitan** terhadap pengusaha yang menyalahgunakan lesen Pusat Hiburan Keluarga / premis untuk tujuan perjudian. Antara agensi yang berkaitan adalah seperti berikut:-
    - i) Polis DiRaja Malaysia (PDRM);
    - ii) Jabatan Imigresen;
    - iii) Jabatan Anti Dadah Kebangsaan (AADK);
    - iv) Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS);
    - v) Pejabat Agama Islam Daerah (PAID);
    - vi) Pejabat Kesihatan Daerah; dan
    - vii) Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
  - 2) Selain itu, lesen premis Pusat Hiburan Keluarga (PHK) yang didapati disalah gunakan sebagai pusat perjudian akan dibatalkan dan peralatan

PHK akan disita serta premis akan ditutup. Antara tindakan yang boleh dikenakan terhadap pengusaha judi haram adalah di bawah:-

- i) **Seksyen 4B(a) Akta Rumah Judi Terbuka 1953;**
  - ii) **Enakmen Hiburan Dan Tempat-Tempat Hiburan 1995 Negeri Selangor;**
  - iii)
- 3) Bagi kegiatan pelacuran, bidang kuasa pihak PDRM dan Jabatan Imigresen adalah lebih luas di mana pengusaha boleh dikenakan tindakan di bawah **Akta Anti Pemerdagangan Orang**. Manakala premis pusat kecantikan dan kesihatan yang melanggar syarat boleh dikenakan tindakan di bawah **Seksyen 3 Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan 2007 dan Seksyen 3 Akta Kerajaan Tempatan**.

- b) Sebanyak **372 operasi bersepadu** dilaksanakan pada tahun 2017 yang meliputi operasi bersepadu bagi kegiatan maksiat, judi haram dan pelacuran di Negeri Selangor. Operasi bersepadu ini melibatkan PBT dan jabatan-jabatan agensi Kerajaan antaranya seperti Pejabat Daerah, JAIS, Pejabat Agama Islam Daerah, PDRM, Imigresen dan AADK. Pecahan bilangan operasi mengikut PBT adalah seperti berikut:-

<b>Bil.</b>	<b>PBT</b>	<b>Bilangan Operasi Bersepadu Bagi Kegiatan Maksiat, Judi Haram Dan Pelacuran Tahun 2017</b>
1.	MBSA	123 Operasi
2.	MBPJ	92 Operasi
3.	MPSJ	15 Operasi
4.	MPS	20 Operasi
5.	MPKj	25 Operasi
6.	MPK	74 Operasi
7.	MPAJ	3 Operasi
8.	MDKL	11 Operasi
9.	MDSB	2 Operasi
10.	MDKS	7 Operasi
11.	MPSp	Tiada
12.	MDHS	Tiada
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>372 Operasi</b>

\*\*\*Sumber: Semua PBT Negeri Selangor



- c) Pada tahun 2017, sebanyak **17 lesen** premis perniagaan telah dibatalkan bagi kesalahan melanggar syarat perniagaan iaitu MBSA sebanyak **satu (1) lesen**, MBPJ sebanyak **15 lesen** kerana menjalankan aktiviti urutan badan dan MDKS sebanyak **satu (1) lesen** di bawah kesalahan judi.